

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 APRIL 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 30

## TNB, SP Setia meterai MoU solusi tenaga pintar

Bantu kurangkan tahap pelepasan karbon

Oleh IZWAN ROZLIN

PUTRAJAYA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjalin kerjasama strategik dengan SP Setia Berhad (SP Setia) bagi menyediakan solusi tenaga pintar dan tenaga boleh baharu (RE) dalam projek pembangunan kediaman dan bangunan komersil baharu.

Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, usaha sama itu memberi tumpuan kepada bakal pembeli hartanah yang dibangunkan SP Setia Berhad.

Beliau berkata, memorandum persefahaman (MoU) itu meliputi pemasangan sistem solar PV di atas bumbung serta penyediaan pemasangan solusi bateri dalam projek pembangunan kediaman dan komersial SP Setia dan pemasangan pengecasan kenderaan

elektrik (EV).

MoU berkenaan ditandatangani Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SP Setia, Datuk Choong Kai Wai di Hotel Le Meridien di sini pada Selasa.

Turut hadir menyaksikan majlis menandatangani MoU antara kedua-dua belah itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Abdul Razib Dawood; Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Nasional Berhad, Ahmad Zulqarnain Onn; Pengerusi SP Setia, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail dan Pengerusi TNB, Datuk Sri Hasan Arifin.

Sementara itu, Ketua

# TNB, SP Setia meterai MoU solusi tenaga pintar



Mustapa (empat dari kanan) pada Majlis Menandatangani MoU antara SP Setia Berhad yang diwakili Kai Wai (dua dari kanan) dengan TNB yang diwakili Megat Jalaluddin (empat dari kiri). Turut hadir ialah Syed Anwar (tiga dari kanan) dan Hasan (dua dari kiri) di Hotel Le Meridien, Putrajaya pada Selasa.

Pegawai Eksekutif SP Setia Berhad, Datuk Choong Kai Wai berkata, MoU itu merupakan pencapaian dalam kerjasama untuk menyediakan solusi tenaga mampan kerana ia dapat

memberi penjimatan tenaga kepada bakal pemilik hartanahnya.

Menurutnya, SP Setia menasaskan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM4 bilion pada tahun ini di mana

syarikat bercadang menyediakan kemudahan solusi tenaga pintar dalam setiap projek pembangunan akan datang dalam membantu mengurangkan tahap pelepasan karbon.